

**D**engan jumlah populasi mungkin sudah mencecah satu juta orang ditambah kunjungan pelancong dianggarkan lebih 400,000 pada setiap hujung minggu, Melaka sememangnya memerlukan sistem pengurusan sampah yang cekap.

Ada yang menganggap Melaka bukan negeri besar, namun masalah sampah negeri ini memuncak bulan lalu apabila Tapak Pelupusan Sanitari Sungai Udang mula beroperasi pada 2015 dan dijangka hanya mampu bertahan sehingga hujung bulan ini saja walaupun baru dua tahun dibuka.

Tapak pelupusan ini dibuka bagi menggantikan tapak pelupusan sampah seluas 25.5 hektar di Krubong yang ditutup pada akhir 2014.

Ada yang mendakwa situasi tahap kritikal di Tapak Pelupusan Sanitari Sungai Udang berpunca akibat lambakan sampah pukat seperti perabot, besi dan pokok yang menggunakan ruang pelupusan yang besar.

Penulis juga bersetuju, dengan pendapat itu hingga memendekkan jangka hayat tapak pelupusan itu yang sepatutnya boleh bertahan sehingga lima tahun.

Memburukkan lagi keadaan apabila ada penduduk negeri ini yang tidak mempraktikkan amalan 3R iaitu kurangkan, kitar semula dan guna semula yang dipromosikan sebelum ini.

Sebagai individu bermastautin di Melaka, penulis turut melakukan pemerhatian dan tidak dinafikan, ada yang mengamalkan kaedah 3R dengan mengasingkan bahan boleh

## Tak amal 3R hingga tempat pelupusan sesak



dikitar semula daripada sisa pepejal basah.

Namun, kerap berlaku bungkususan sampah diletakkan di tepi tong sampah diselongkar anjing liar mencari sisa makanan.

Boleh kata perancangan sudah cantik, namun tidak berjalan dengan lancar atas pelbagai faktor yang di luar jangkaan walaupun syarikat konsesi pengurusan sampah sudah menetapkan jadual atau hari tertentu untuk pungutan sampah mengikut jenis.

Ingin saya kongsi kan kempen mengitar semula botol plastik dijalankan di Kanada dan beberapa negeri di Amerika Syarikat termasuk Michigan yang kini tular di Facebook.

Menerusi video dikongsi penulis tertarik dengan kaedah dipraktikkan iaitu pengguna yang mengitar semula botol plastik mendapat ganjaran atas usaha mereka hingga kadar kitar semula bahan itu meningkat kepada lebih 95 peratus.

Menggunakan kaedah itu pengguna

sebenarnya mendepositkan wang bagi setiap produk menggunakan botol plastik dibeli dan perlu mengitar semula untuk mendapatkan kembali wang mereka.

Mungkin, ini antara kaedah yang boleh diperkenalkan di seluruh negara, sekali gus mengurangkan lagi kadar pembuangan botol plastik yang menjejaskan alam sekitar selain mengadakan kempen kesedaran secara berterusan.

Bagi saya langkah ini selaras dengan perancangan kerajaan Melaka untuk menjadikan negeri ini sebagai bandar teknologi hijau.

Malah, Melaka menjadi antara negeri paling awal dan terkehadapan dalam penjagaan alam sekitar dengan mengharamkan penggunaan bekas polisterina dan beg plastik sejak 1 Januari 2016.

Berikutan itu, Melaka hanya membenarkan penggunaan beg plastik dan bekas makanan dibuat daripada bahan biodegrasi yang lebih

mesra alam dan terurai sendiri dalam tempoh tertentu.

Saya bukan mahu menegur tetapi sekadar berkongsi, amalan kitar perlu dilakukan secara berterusan dan tidak hanya ketika kempen atau promosi dijalankan oleh pihak berkuasa atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Ya bukan saja dianggap sebagai amalan yang mulia sebaliknya memberikan pulangan kepada pengamalannya walaupun hasil diperolehi tidak sebesar mana.

Pertengahan bulan ini Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Tan Sri Noh Omar, melawat tapak pelupusan sampah Sungai Udang dan mengumumkan pembinaan insinerator di lokasi itu akan dilaksanakan dalam tempoh masa dua tahun.

Memang pengumuman itu disambut baik dan dianggap sebagai penyelesaian masalah sampah bagi tempoh jangka masa panjang, namun pada masa yang sama, orang Melaka masih perlu mempraktikkan amalan 3R dipromosikan kerana ia adalah kaedah paling berkesan dengan setiap penduduk menjalankan tanggungjawab menjaga alam sekitar.

Setiap hari pusat pelupusan sampah Sungai Udang menerima 900 hingga 1,000 tan sampah untuk dilupuskan, paling merugikan apabila ia turut membabitkan pelbagai barangan boleh dikitar semula.

**Penulis Ketua Biro  
Harian Metro Melaka**